

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]**  
**TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 82**

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan status terkini pelaksanaan Program 2u2i di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) termasuk bilangan terkini syarikat industri yang memberi sumbangan khidmat menjayakannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga Mei 2019, sebanyak 30 program 2u2i sedang dijalankan di sepuluh (10) Universiti Awam. Manakala, syarikat yang terlibat secara langsung berjumlah 80 syarikat. Antara syarikat-syarikat multi nasional yang menyertai program 2u2i ini antaranya adalah QSR Brands, Regency Hotel dan pelbagai syarikat daripada pelbagai kluster. Kohort pertama akan bergraduasi akhir 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019**

**SOALAN**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan-keadaan yang dianggap keadaan khas di mana seseorang di bawah umur 21 tahun boleh didaftarkan sebagai seorang warganegara di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan adalah peruntukan berhubung dengan kuasa khas untuk mendaftarkan seseorang individu berumur bawah 21 tahun sebagai warganegara Malaysia. Dalam hal ini, antara individu yang boleh mengemukakan permohonan di bawah peruntukan tersebut adalah anak angkat kepada warganegara Malaysia dan anak tidak sah taraf hasil daripada hubungan antara wanita warga asing dengan lelaki warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, pertimbangan adalah tertakluk kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah, keberadaan di negara ini, peraturan imigresen dan lain-lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak meluluskan kewarganegaraan kepada isteri kepada warganegara Malaysia yang berhak kepada kewarganegaraan Malaysia apabila isteri berkenaan telah memenuhi 3 syarat yang dinyatakan di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu beliau sudah bermastautin di Persekutuan selama 2 tahun, berniat untuk bermastautin secara tetap dan berkelakuan baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap permohonan kewarganegaraan termasuklah bagi pemerolehan kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan diputuskan untuk ditolak kerana permohonan berkenaan tidak memenuhi syarat yang diperuntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan yang berkaitan seperti keberadaan di negara ini dan lain-lain. Pertimbangan terhadap fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemohon dilaksanakan dengan teliti secara *case-by-case* sebelum keputusan dikeluarkan.